

**KESAN PENDEKATAN PEMBELAJARAN BERASASKAN
PROJEK TERHADAP PENCAPAIAN PENULISAN
KARANGAN JENIS FAKTA MURID TINGKATAN EMPAT**

Hidayatul Ajmal Tholibon

*Zulkifli Osman

Anida Sarudin

Husna Faredza Mohamed Redzwans

Fakulti Bahasa dan Komunikasi

Universiti Pendidikan Sultan Idris

*zulkifli@fbk.upsi.edu.my

Abstract: This study was conducted to identify the effect of project-based learning (PBL) which consists of Project *Site123* on the achievement of factual type 4 students essay writing. The objective of the first study was to examine the level of student essays in pre-test and post-test for control group and treatment group. The objective of the second study was to examine the differences in the mean scores of students' essays in the pre-test and post-test for the control group and the treatment group. The study was conducted using a quantitative approach. The method used is in the form of a quasi-experiment. A total of 60 sample of Form 4 students were involved in this study from one of the secondary schools in the district of Kampar, Perak. The study sample is a group of students who have been identified and determined by the school (intact group) and equivalent in terms of achievement, age as well as flow. The first group was a control group using traditional methods while the second group was a treatment group using PBL approach in teaching and learning (PdP) essays. Pre-test and post-test scores were analyzed using t-test statistics. The findings showed that the post-test mean score for the treatment group was higher than the pre-test for the same group as well as showing an increase in the level of essay after using PBL. The same findings also showed that the mean score of the treatment group was higher than the control group for the same test as well as showing that the treatment group performed better than the control group. The findings of this study have implications in current PdP practice.

Keywords: Fact Type Essay, Project Based Learning, Form 4 Students

PENDAHULUAN

Selaras dengan ledakan pengetahuan berasaskan komputer dan teknologi pada abad ke-21, kaedah Pembelajaran Berasaskan Projek (PBP) telah diperkenalkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) pada tahun 2006. Tujuan program pengenalan PBP ini adalah untuk menggalakkan inovasi dalam Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) dengan mengintegrasikan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (TMK), (Bahagian Teknologi Pendidikan, 2006). KPM di bawah seliaan pihak Bahagian Teknologi Pendidikan (BTP) telah mengadakan Program Pembastarian Sekolah untuk semua sekolah di bawah Rancangan Malaysia Ke-9, dan program pembudayaan PBP direncanakan untuk menggalakkan inovasi dalam PdP sekali gus mengintegrasikan teknologi (Bahagian Teknologi Pendidikan, 2006). Pengkaji-pengkaji seperti Balakrishnan *et al.* (2009) berpendapat bahawa PBP sesuai digunakan dalam kurikulum pendidikan di Malaysia. PBP dianggap sebagai satu amalan terbaik dalam bidang PdP dalam misi membestarikan sekolah-sekolah di Malaysia di samping beberapa amalan lain seperti pembelajaran abad ke-21, pembelajaran lestari dan penggunaan portal pendidikan (Bahagian Teknologi Pendidikan, 2010). Namun begitu, pelaksanaan PBP masih tetap dianggap asing walaupun sudah lama diperkenalkan dalam sistem pendidikan di negara kita khususnya di sekolah menengah, dan ini berkemungkinan disebabkan kurangnya pendedahan tentang kelebihan kaedah itu.

Dalam penyelidikan ini, semua permasalahan berkaitan difokuskan kepada pendekatan PBP dan pencapaian murid dalam penulisan karangan fakta. PBP merupakan pendekatan pembelajaran yang amat sesuai diimplementasi oleh guru Bahasa Melayu dalam bilik darjah selari dengan perkembangan pembelajaran abad ke-21 (PAK21). PBP merupakan pengaplikasian dan penggabungan pengetahuan, kemahiran dan nilai yang dipelajari daripada pelbagai disiplin ilmu untuk menyelesaikan masalah. *Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) Bahasa Melayu* melalui *Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran* (2018) menjelaskan, melalui pendekatan ini, murid menggunakan maklumat lama dan baharu untuk menghasilkan sesuatu yang nyata. Pendekatan ini memberi ruang kepada guru untuk menilai tahap perkembangan atau kualiti pembelajaran murid. Tahap motivasi murid juga dapat ditingkatkan kerana murid dapat menghasilkan sesuatu produk mengikut kreativiti mereka sendiri.

Permasalahan fokus dan berkaitan sering dianggap sebagai isu berterusan yang perlu diselesaikan secara eksperimental. Interpretasi permasalahan berkaitan adalah dalam pernyataan masalah.

PERNYATAAN MASALAH

Kemahiran menulis merupakan salah satu kemahiran berbahasa yang paling banyak diuji dalam peperiksaan di sekolah baik peringkat rendah mahupun menengah. Menurut Abdul Rasid (2011), kemahiran menulis merupakan suatu budaya intelek yang saling melengkapi antara kemahiran membaca dengan menulis. Keupayaan menulis juga merupakan proses penyaluran maklumat yang bersifat mekanikal dan disalurkan secara bersistem iaitu mengambil kira matlamat, penggunaan bahasa, audiens, dan gaya penulisan. Maka, proses PdP yang berkesan memerlukan kebolehan dan keupayaan murid yang tinggi dalam kemahiran menulis.

Menurut Farah (2019), kemahiran mengarang merupakan kemahiran tertinggi dalam peringkat kemahiran bahasa dan yang paling sinonim dengan mata pelajaran Bahasa Melayu. Proses menulis karangan merupakan kemahiran yang paling sukar untuk dikuasai (Nik Safiah, 2004) berbanding dengan kemahiran-kemahiran bahasa yang hingga menyebabkan murid gagal mencapai keputusan yang baik dalam peperiksaan khususnya dalam aspek mengemukakan isi-isi penting (Norliza *et al.*, 2021). Oleh sebab kekurangan isi, murid gagal untuk membuat huraian yang tepat dan berkaitan. Terdapat juga murid yang mengemukakan isi yang kabur dan kurang jelas. Kelemahan ini menyebabkan murid tidak dapat menghasilkan karangan yang baik dan seterusnya menjejaskan markah mereka (Farah, 2019).

Berdasarkan penataran format baharu kertas 1 Bahasa Melayu Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), sebanyak 100 markah diperuntukkan bagi item karangan. Item bahagian B iaitu item subjektif respons terbuka memperuntukkan markah yang tinggi iaitu 70 markah. Item ini menguji kemahiran menulis calon terutama mengarang karangan berbentuk fakta. Kemahiran yang ditafsir ialah kemahiran menganalisis dan menilai. Berdasarkan analisis percubaan SPM tahun 2020 bagi mata pelajaran Bahasa Melayu, kertas 1 bahagian B di salah sebuah sekolah luar bandar di negeri Perak mendapati, kebanyakan murid berada pada tahap baik dan memuaskan. Hanya segelintir murid sahaja mendapat markah cemerlang dan kepujian. Rumusan daripada analisis terbabit mendapati penggunaan kosa kata amat terhad dalam kalangan murid. Selain itu, murid juga tidak dapat menghurai karangan melebihi jumlah perkataan yang telah ditetapkan. Huraian murid yang tidak mantap dan tidak matang juga menyebabkan murid tidak mampu mendapat markah yang cemerlang.

Kelemahan calon SPM dalam mengarang telah lama diperkatakan oleh semua pihak. Masalah penguasaan bahasa yang dihadapi oleh murid menyebabkan murid belum mahir dalam membina ayat-ayat yang lengkap. Kegagalan ini menyebabkan mereka lemah dalam kemahiran mengarang. Antara kelemahan lain yang diperkatakan adalah berkaitan ketidakupayaan menjana idea, tidak dapat mengembangkan isi serta lemah dalam melahirkan ayat majmuk (Ramli, 2017). Melalui kupasan mutu jawapan calon SPM tahun 2017 oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM), calon dilihat lemah bagi aspek penguasaan bahasa dalam karangan. Olahan idea juga tidak matang dan tidak bernas. Hal ini sudah pasti berkait rapat dengan kurangnya budaya membaca dalam kalangan calon seperti membaca majalah, akhbar dan jurnal untuk menambah pengetahuan mereka selain memantapkan fikiran seterusnya memantapkan penguasaan bahasa.

Pendekatan pengajaran guru yang sesuai perlu dititikberatkan bagi melahirkan penulisan karangan yang menepati standard yang ditetapkan sekali gus melahirkan murid yang aktif semasa proses pembelajaran. Teknik konvensional yang menjadi amalan perlu diubah kepada bentuk yang lebih interaktif. Pendidikan Bahasa Melayu perlu memberi penekanan terhadap penyerapan kemahiran bernilai tambah seperti kemahiran berfikir dan teknologi maklumat dan komunikasi dalam PdP bahasa (Zulkifli, 2015). Oleh itu, pendekatan PBP merupakan pendekatan terbaik yang dapat meningkatkan penguasaan kemahiran berbahasa murid sekali gus merangsang penglibatan aktif murid dalam bilik darjah.

Selaras dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (2013) yang menggariskan anjakan dalam penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) bagi meningkatkan kualiti pembelajaran di Malaysia, pembelajaran berasaskan projek *site123* ini dilihat sesuai dikaji kepada murid sekolah menengah bagi meningkatkan tahap pencapaian dalam kemahiran berbahasa terutama penulisan karangan.

OBJEKTIF DAN HIPOTESIS KAJIAN

Secara umum, kajian ini dijalankan untuk mengetahui kesan pembelajaran berasaskan projek *site123* terhadap pencapaian penulisan karangan fakta murid tingkatan empat. Secara khusus, objektif kajian ini adalah untuk:

1. Mengenal pasti tahap karangan murid dalam praujian dan pascaujian bagi kumpulan kawalan dan rawatan secara keseluruhan.
2. Menganalisis perbezaan skor min karangan murid dalam praujian dan pascaujian bagi kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan.

Bagi menjawab objektif kajian kedua, hipotesis nol berikut digunakan, iaitu:


1. Tidak terdapat perbezaan min yang signifikan dalam praujian penulisan karangan murid tingkatan 4 bagi kumpulan kawalan dan rawatan.
2. Tidak terdapat perbezaan min yang signifikan dalam praujian dan pascaujian penulisan karangan murid tingkatan 4 bagi kumpulan kawalan.
3. Tidak terdapat perbezaan min yang signifikan dalam praujian dan pascaujian penulisan karangan murid tingkatan 4 bagi kumpulan rawatan.
4. Tidak terdapat perbezaan min yang signifikan dalam pascaujian penulisan karangan murid tingkatan 4 bagi kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan.

Pembelajaran Berasaskan Projek (PBP)

Pembelajaran berasaskan projek (PBP) adalah kaedah pembelajaran berdasarkan konstruktivisme yang pertama kali dicadangkan oleh John Dewey pada akhir tahun 1890-an (Hmelo-Silver, 2004). Dewey menekankan falsafah pembelajaran yang berpusatkan kepada kanak-kanak dengan memberi fokus kepada kehidupan sebenar dan persekitaran sekolah. Idea-idea beliau dikembangkan lagi oleh Kilpatrick pada awal tahun 1900-an dalam bukunya *The Project Method* yang diterbitkan pada tahun 1918. Sejak itu, PBP telah dihuraikan secara terperinci dan diterapkan dalam pelbagai mata pelajaran di sekolah dan institusi pendidikan. Hovey dan Ferguson (2014) telah menunjukkan bahawa terdapat penafsiran PBP yang berbeza dengan pelbagai istilah yang bertindih seperti pembelajaran berasaskan masalah, pembelajaran berasaskan inkuiri, pembelajaran masalah dan kaedah projek.

Holm (2011) mendefinisikan PBP sebagai pendekatan praktikal berdasarkan arahan yang berpusatkan kepada murid dan berlaku dalam jangka masa yang panjang. Hal ini melibatkan proses memilih, merancang, menyiasat dan menghasilkan produk, persembahan atau prestasi yang menjawab soalan dalam dunia nyata. Menurut Dooly dan Sadler (2016), PBP memerlukan murid berkerja dalam pasukan dalam menghasilkan komunikasi lisan yang berkesan antara murid. Secara komprehensif, Markham *et al.* (2003) menjelaskan bahawa PBP merupakan suatu kaedah pengajaran yang sistematik dan melibatkan murid dalam mempelajari pengetahuan dan kemahiran. Pendekatan ini melalui proses penyelidikan yang diperluas dan disusun berdasarkan aras soalan yang rumit, sahih dan penghasilan produk serta tugas yang dirancang dengan teliti.

Oleh itu, PBP dapat dilihat sebagai pendekatan yang memerlukan suatu disiplin yang tinggi dalam kalangan murid. Bahagian Teknologi Pendidikan (BTP) menekankan PBP yang disepadukan dengan isu dan amalan dunia nyata. Hal ini mendorong kepada gerak kerja yang abstrak kepada yang lebih kompleks dalam proses meneroka ilmu dan isu yang ingin dipelajari murid. Melalui PBP, murid meneroka, membuat penilaian, mentafsir dan mensintesis maklumat dengan cara yang lebih bermakna. Menurut Sylvia Chard dalam *Project Base Learning Handbook* (2006), PBP merupakan penyelidikan yang mendalam mengenai topik yang nyata. KPM melalui BTP menerangkan beberapa langkah bagi menjalankan PBP. Rajah 1 berikut menerangkan lima langkah menjalankan PBP.



Rajah 1. Langkah Menjalankan PBP

Persoalan Utama

Hovey dan Ferguson (2014) menjelaskan komponen utama dalam PBP dengan memberi fokus kepada persoalan utama. Persoalan utama merupakan isu atau topik penting yang perlu dirungkai oleh murid dalam proses PdP yang dirancang oleh guru. Persoalan berkaitan situasi atau topik dalam dunia nyata perlu diberikan oleh guru kepada murid agar murid dapat menjalankan penerokaan secara aktif dan berkolaborasi antara murid. Langkah ini selari dengan Habok (2015), yang memberi penekanan pada peringkat pemilihan topik dalam proses menjalankan PBP. Topik yang dipilih melibatkan subjek dan disiplin yang perlu dikuasai oleh murid. Impak daripada penerokaan yang dijalankan oleh murid berdasarkan topik ini akan memberikan suatu pengalaman yang bermakna dalam proses menyelesaikan permasalahan atau persoalan yang dikemukakan oleh guru.

Perancangan

Perancangan merupakan langkah yang memerlukan guru mengenal pasti standard kandungan dan pembelajaran yang ingin diuji kepada murid. Setelah aspek ini dikenal pasti, guru melibatkan murid dalam menyoal, merancang dan membina projek. Murid akan diminta memiliki projek mereka sendiri atau secara berkumpulan dengan pelbagai akses yang telah tersedia untuk keperluan murid. Inisiatif daripada murid amat penting dalam melancarkan proses pembinaan projek (Hovey & Ferguson, 2014).

Penjadualan

Penjadualan merujuk kepada garis masa atau tempoh untuk sesuatu projek dijalankan oleh murid. Hal ini melibatkan peruntukan masa sama ada disempurnakan sewaktu sesi PdP atau pada waktu luar PdP. Dalam tempoh penghasilan projek ini, guru akan bertindak sebagai fasilitator atau pemudahcara yang memberikan bimbingan supaya murid dapat menyempurnakan projek pada tempoh yang ditetapkan. Hal ini selari berdasarkan pandangan Bell (2010) yang menekankan proses PBP yang didorong oleh murid. Murid akan sentiasa dibimbing oleh guru dalam menyelesaikan permasalahan sebenar yang berlaku dalam persekitaran mereka.

Pemantauan

Pemantauan diperlukan bagi memastikan projek yang dijalankan menepati kehendak yang ditetapkan oleh guru. Pemantauan melibatkan pemantauan guru terhadap gerak kerja murid dan pemantauan kepada penghasilan projek. Rubrik akan dikeluarkan oleh guru memudahkan proses penilaian terhadap projek dan gerak kerja murid. Rubrik

merupakan alat penilaian autentik yang dibina untuk mensimulasi aktiviti sebenar murid yang terlibat dalam kajian ini. Alat penilaian ini merangkumi skala penilaian, set kriteria penilaian dan penjelasan. Penilaian refleksi dan pemantauan berterusan perlu sehingga penilaian akhir dibuat berdasarkan hasil akhir projek (Trilling & Fadel, 2009).

Penilaian

Penilaian merupakan langkah terakhir dalam PBP iaitu melibatkan penilaian secara autentik oleh guru terhadap hasil kerja murid. Penilaian juga mencakupi refleksi murid yang terlibat semasa menjalankan projek. Perkongsian idea dan perbincangan bersama akan dilakukan antara murid dan murid lain bagi mencetuskan idea-idea yang di luar kotak pemikiran. Habok (2015) menjelaskan beberapa kaedah penilaian dalam PBP. Kaedah penilaian yang lebih sesuai merangkumi penilaian rakan sebaya, penilaian sendiri, persembahan lisan dan ujian praktikal.

Pembelajaran Berasaskan Projek Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Karangan

Persoalan Utama

Pada fasa ini, murid didedahkan dengan isu utama yang ingin dibincangkan iaitu melibatkan tema dalam DSKP Bahasa Melayu Tingkatan 4. Persoalan-persoalan yang berkaitan diajukan guru untuk mencungkil idea yang tersedia dalam minda murid. Guru juga akan menunjukkan contoh penulisan blog berkaitan tema berkaitan bagi memantapkan pemikiran murid seterusnya bermotivasi untuk melibatkan diri dalam pembelajaran.

Perancangan

Dalam fasa ini, guru menjelaskan kepada murid projek yang akan dijalankan dan merancang perjalanan PdP agar teratur dan boleh diikuti oleh murid. Dalam kajian ini, projek yang dijalankan oleh murid ialah pembinaan projek *site123*. Murid diminta untuk membina akuan *site123* mereka menggunakan alamat emel dan kata laluan mereka tersendiri. Langkah ini merupakan pengenalan kepada projek yang ingin dijalankan oleh murid.

Penjadualan

Dalam fasa ini, murid diterangkan dengan lebih terperinci berkaitan projek blog yang menggunakan *site123* sebagai tapak website dalam pembinaan blog tersebut. Guru menjelaskan langkah-langkah untuk melengkapkan blog tersebut dan ikon-ikon yang berkaitan. Guru membimbing dan meminta murid menggunakan kreativiti mereka untuk mengindahkan paparan blog agar lebih menarik berserta info yang perlu dimuatnaik dalam blog bagi menjawab persoalan utama yang dibincangkan.

Pemantauan


Dalam fasa ini, guru akan memantau aktiviti murid supaya projek dihasilkan menepati kriteria yang diperlukan. Hal ini termasuklah kandungan yang perlu dimuat naik berkaitan tema yang dibincangkan selari dengan DSKP Bahasa Melayu Tingkatan 4. Guru akan menyediakan sumber, bimbingan dan menilai prosesnya menggunakan rubrik yang akan menilai murid secara sendiri dan rubrik yang menilai projek yang dihasilkan. Rubrik murid menyatakan jangkaan yang perlu dicapai oleh setiap murid sementara rubrik projek merujuk kepada keperluan dalam penilaian projek. Syarat ini dijelaskan kepada murid untuk memastikan kejayaan dalam projek yang dihasilkan oleh mereka.

Penilaian

Penilaian akan melihat aspek yang perlu ditambah baik dalam penghasilan projek. Murid akan diminta memberi maklum balas kepada aktiviti dan projek yang dihasilkan. Murid boleh memberikan komen dan berkongsi pengalaman serta input yang diperolehi berdasarkan projek yang terhasil. Guru dan murid boleh bersama-sama memberi penilaian sebagai usaha untuk menghasilkan PdP yang berkesan pada masa akan datang.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif dengan memilih kaedah eksperimen kuasi. Kajian ini melibatkan praujian dan pascaujian untuk melihat kesan PBP terhadap pencapaian karangan murid. Dalam kajian ini, eksperimen kuasi direkabentuk dalam Rajah 2.



Rajah 2. Reka bentuk kajian eksperimen kuasi bagi penyelidikan ini

Rajah 2 menunjukkan reka bentuk praujian dan pascaujian yang dijalankan terhadap kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan. Kumpulan kawalan diajar dengan menggunakan strategi konvensional manakala kumpulan rawatan diajar dengan menggunakan pendekatan PBP dalam PdP karangan fakta Bahasa Melayu. Simbol O₁ merujuk kepada proses praujian manakala O₂ menunjukkan proses pascaujian. Simbol X₁ merujuk kepada pendekatan PBP terhadap kumpulan rawatan sebagai proses eksperimen selepas praujian dan sebelum pascaujian. Simbol X₂ merujuk kepada pembelajaran konvensional yang digunakan guru terhadap kumpulan kawalan selepas praujian dan sebelum pascaujian dilaksanakan. Simbol [---] merupakan olahan atau proses eksperimen yang digunakan selepas praujian dan sebelum pascaujian. Praujian dilakukan untuk melihat kualiti pencapaian sedia ada murid dalam menulis karangan fakta. Pascaujian ditadbir selepas proses eksperimen dilakukan selama satu bulan terhadap sampel.

Sampel kajian terdiri daripada murid tingkatan empat di salah sebuah sekolah di daerah Kampar, Perak. Sampel ialah kumpulan murid yang telah dikenal pasti dan ditentukan oleh pihak sekolah (*intact group*). Ciri sampel melibatkan murid yang setara dari segi pencapaian dan umur serta aliran. Sampel terdiri daripada dua kelas murid tingkatan 4. Sampel kajian juga daripada pelbagai latar belakang dan status sosio-ekonomi. Pengkaji mengambil bilangan sampel seramai 60 orang, iaitu 30 orang daripada kumpulan kawalan dan 30 orang daripada kumpulan rawatan.

Terdapat dua instrumen digunakan dalam kajian ini. Instrumen kajian ini meliputi kertas praujian dan kertas pascaujian. Kedua-dua kertas ujian bagi kajian ini telah diselaraskan dengan *Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran* (DSKP) Bahasa Melayu Tingkatan 4. Kertas soalan bagi praujian dan pascaujian ini mempunyai bahagian B sahaja yang memperuntukkan 70 markah. Terdapat empat soalan yang dikemukakan dan murid dikehendaki memilih satu soalan untuk dijawab. Item diberikan sama ada bentuk berformat atau tidak berformat. Keempat-empat item disusun mengikut aras Taksonomi Bloom. Item pada bahagian ini dijawab dalam tempoh masa satu jam tiga puluh minit. Karangan yang ditulis perlu dalam lingkungan 350 patah perkataan hingga 500 patah perkataan.

Pascaujian diadakan selepas murid melalui sekurang-kurangnya sebulan proses eksperimen, iaitu menggunakan pendekatan PBP dalam PdP karangan fakta Bahasa Melayu. Kumpulan murid yang diuji masih kumpulan yang sama seperti kumpulan praujian. Bentuk item yang diuji sama aras kesukarannya seperti praujian. Pascaujian ini untuk melihat perubahan dalam penulisan murid dari aspek bahasa, laras, idea, pengolahan dan gaya bahasa sekali gus memperlihatkan pencapaian berdasarkan skor markah yang diterima. Pascaujian ini juga diadakan bagi melihat kuantiti dan pencapaian karangan murid selepas menerima proses rawatan. Penilaian dilakukan terhadap aspek kegramatisan bahasa, laras, idea, pengolahan, dan gaya bahasa mengikut ketetapan skema pemarkahan Bahasa Melayu 1 SPM, KPM. Dalam ujian ini, operasinya merupakan skor. Skor ini diambil untuk menganalisis data.

Skor markah karangan murid dilihat berdasarkan kriteria tertentu dan dikategorikan dalam tahap pencapaian mengikut skala pemarkahan seperti Jadual 1 berikut.

Jadual 1

Skala Pemarkahan Karangan

Bil	Tahap Pencapaian	Markah
1	Cemerlang	60 hingga 70
2	Kepujian	50 hingga 59
3	Baik	40 hingga 49
4	Memuaskan	30 hingga 39
5	Kurang memuaskan	20 hingga 29
6	Pencapaian minimum	10 hingga 19
7	Tidak mencapai tahap pencapaian minimum	01 hingga 09

Sumber: Lembaga Peperiksaan Malaysia, 2020

DAPATAN KAJIAN*Tahap Karangan Murid dalam PraUjian dan PascaUjian bagi Kumpulan Kawalan dan Rawatan*

Bahagian ini akan menjawab soalan kajian pertama iaitu, “Apakah tahap karangan murid dalam praujian dan pascaujian bagi kumpulan kawalan dan rawatan secara keseluruhan?”. Tahap karangan murid akan dinilai berdasarkan min yang diperolehi bagi kedua-dua kumpulan murid dalam praujian dan pascaujian. Jadual 2 menunjukkan min tahap karangan murid dalam praujian dan pascaujian bagi kumpulan kawalan dan rawatan secara keseluruhan.

Jadual 2

Tahap Karangan Murid dalam PraUjian dan PascaUjian bagi Kumpulan Kawalan dan Rawatan

Kumpulan	Min markah karangan dalam pra ujian	Tahap karangan	Min markah karangan dalam pascaujian	Tahap karangan
Kawalan (N=30)	33.57	Memuaskan	33.07	Memuaskan
Rawatan (N=30)	33.43	Memuaskan	42.73	Baik

Dapatan ini menunjukkan peningkatan tahap karangan murid selepas menggunakan pendekatan PBP. Tahap karangan murid meningkat kepada tahap baik dalam pascaujian berbanding tahap memuaskan dalam praujian bagi kumpulan rawatan. Perbezaan min yang ketara dapat dilihat dengan jumlah perbezaan min iaitu sebanyak 9.3. Hal ini disebabkan isi dan olahan yang matang oleh murid dalam penulisan karangan selepas menerima intervensi iaitu PBP.

Bagi kumpulan kawalan pula, tahap karangan murid berada pada tahap yang sama iaitu memuaskan dalam praujian dan pascaujian. Perbezaan min secara keseluruhan yang diperolehi adalah sebanyak 0.5. Hal ini menunjukkan tiada peningkatan markah bagi kumpulan murid yang tidak menerima sebarang intervensi atau pendekatan dalam PdP.

Perbezaan Skor Min Karangan Murid Dalam Praujian Dan Pascaujian Bagi Kumpulan Kawalan Dan Rawatan

Bahagian ini akan menjawab soalan kajian kedua iaitu “Adakah terdapat perbezaan yang signifikan bagi skor min karangan murid dalam praujian dan pascaujian bagi kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan?”. Bagi menjawab soalan kajian ini, empat hipotesis nol telah diuji.

Ho1: Tidak terdapat perbezaan min yang signifikan dalam praujian penulisan karangan murid tingkatan 4 bagi kumpulan kawalan dan rawatan

Jadual 3 menunjukkan dapatan kajian hasil daripada ujian-T bebas bagi menguji hipotesis pertama kajian.

Jadual 3

Perbandingan Min Dalam PraUjian Bagi Kumpulan Kawalan Dan Rawatan

Pra ujian	Skor Min	Sisihan piawai	Nilat-T	Sig. (2 tailed)
Kumpulan Kawalan (N=30)	33.57	2.62	0.22	0.83
Kumpulan Rawatan (N=30)	33.43	2.08		

Signifikan pada tahap $p > 0.05$

Dapatan kajian mendapati bahawa nilai min yang diperoleh tidak signifikan antara kumpulan kawalan dan rawatan dalam praujian. Skor min yang diperoleh ialah 0.83 iaitu pada aras $p > 0.05$. Maka, hipotesis nol adalah diterima kerana tahap signifikan yang diperoleh lebih besar daripada 0.05. Hal ini menunjukkan tidak terdapat perbezaan skor min markah yang signifikan bagi kedua-dua kumpulan dalam praujian. Nilai min dalam praujian bagi kumpulan kawalan yang diperoleh ialah 33.57, manakala sebanyak 33.43 merupakan nilai min bagi kumpulan rawatan.

Nilai skor min bagi kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan dalam praujian menggambarkan bahawa tiada perbezaan markah murid. Kesetaraan dalam penulisan karangan dari aspek isi dan olahan ayat dapat dilihat dalam kedua-dua kumpulan. Hipotesis nol diterima kerana tidak terdapat perbezaan min yang signifikan antara kumpulan praujian dan kumpulan pascaujian.

Ho2: Tidak terdapat perbezaan min yang signifikan dalam praujian dan pascaujian penulisan karangan murid tingkatan 4 bagi kumpulan kawalan

Jadual 4 memaparkan dapatan kajian hasil daripada ujian-T sampel berpasangan bagi menguji hipotesis kedua dalam kajian ini.

Jadual 4

Perbandingan min dalam praujian dan pascaujian bagi kumpulan kawalan

Kumpulan Kawalan	Skor min	Sisihan Piawai	Nilat-T	Sig. (2 tailed)
Praujian (N=30)	33.57	2.62	0.67	0.52
Pascaujian (N=30)	33.07	4.06		

Signifikan pada tahap $p > 0.05$

Hasil analisis jadual di atas mendapati bahawa nilai min adalah $p = 0.52$ iaitu nilai p lebih besar daripada 0.05. Hal ini menunjukkan tidak terdapat perbezaan min yang signifikan antara skor min praujian dan pascaujian bagi kumpulan kawalan. Oleh itu, hipotesis nol diterima dengan nilai $p > 0.05$.

Ho3: Tidak terdapat perbezaan min yang signifikan dalam praujian dan pascaujian penulisan karangan murid tingkatan 4 bagi kumpulan rawatan

Jadual 5 menunjukkan dapatan kajian hasil daripada ujian-T sampel berpasangan bagi menguji hipotesis ketiga dalam kajian ini.

Jadual 5

Perbandingan min dalam praujian dan pascaujian bagi kumpulan rawatan

Kumpulan Rawatan	Skor min	Sisihan Piawai	Nilat-T	Sig. (2 tailed)
Praujian (N=30)	33.43	2.08	-14.10	0.000
Pascaujian (N=30)	42.73	3.30		

Signifikan pada tahap $p < 0.05$

Jadual 5 memaparkan skor min karangan murid dalam praujian dan pascaujian bagi kumpulan rawatan. Dapatan kajian mendapati, nilai t iaitu nilai perbezaan min skor karangan murid dalam praujian dan pascaujian ialah $t = -14.10$ dengan tahap signifikan ialah $p = 0.00$. Tahap signifikan ini dilihat lebih kecil daripada 0.05 ($p < 0.05$). Maka, hipotesis nol adalah ditolak. Terdapat perbezaan min yang signifikan bagi skor min karangan dalam praujian dan pascaujian bagi kumpulan rawatan. Pengajaran karangan menggunakan pendekatan PBP dilihat dapat meningkatkan gred karangan murid tingkatan empat secara signifikan dalam kumpulan rawatan seperti yang dibuktikan dalam keputusan analisis tersebut.

Ho4: Tidak terdapat perbezaan min yang signifikan dalam pascaujian penulisan karangan murid tingkatan 4 bagi kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan

Jadual 6 menunjukkan dapatan kajian hasil daripada ujian-T bebas bagi menguji hipotesis keempat kajian.

Jadual 6

Perbandingan min dalam pascaujian bagi kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan

Pascaujian	Skor min	Sisihan Piawai	Nilat-t	Sig. (2 tailed)
Kumpulan kawalan N=30)	33.07	4.06	-10.12	0.000

Kumpulan rawatan (N=30)	42.73	3.30
-------------------------	-------	------

Signifikan pada tahap $p < 0.05$

Jadual 6 menunjukkan skor min karangan murid dalam pascaujian bagi kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan. Dapatan kajian mendapati, nilai t iaitu perbezaan min skor karangan murid dalam praujian bagi kumpulan kawalan dan kumpulan rawatan ialah $t = -10.12$ dan tahap signifikan ialah $p = 0.000$. Tahap signifikan lebih kecil daripada 0.05 ($p < 0.05$). Oleh itu, hipotesis nol ditolak. Terdapat perbezaan min yang signifikan bagi skor min karangan dalam pascaujian bagi kumpulan kawalan dan rawatan. Keputusan ini menunjukkan, gred karangan murid tingkatan empat dapat ditingkatkan secara signifikan selepas menggunakan pendekatan PBP dalam pengajaran karangan. PBP juga memberi kesan yang positif terhadap tahap penulisan murid dalam karangan jenis fakta iaitu daripada tahap memuaskan kepada tahap baik.

PERBINCANGAN

Hasil terhadap analisis yang telah dijalankan mendapati, penggunaan pendekatan PBP dalam PdP karangan Bahasa Melayu berpotensi meningkatkan markah karangan murid tingkatan 4. Hasil daripada kajian yang dijalankan terhadap kumpulan rawatan mendapati bahawa tahap karangan dalam pascaujian meningkat berbanding dengan praujian bagi kumpulan yang sama. Bagi kumpulan kawalan pula, tiada peningkatan tahap karangan dalam pascaujian. Dapatan ini selari dengan kajian oleh Luh Tiwika Praba et al. (2018) yang menunjukkan bahawa PBP mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap pencapaian murid dalam kemahiran menulis Bahasa Inggeris.

Dalam kajian ini, pendekatan tradisional didedahkan oleh guru kepada murid dalam kumpulan kawalan, manakala dalam kumpulan rawatan, guru mengamalkan pendekatan PBP semasa PdP karangan Bahasa Melayu. Skor min karangan murid bagi kumpulan rawatan yang mengikuti sesi PdP menggunakan pendekatan PBP menunjukkan peningkatan berdasarkan data yang diperolehi. Hal ini juga sejajar dengan kajian Eng Li Yin (2021) yang menggunakan PBP dalam melihat keberkesanan kemahiran bertutur bahasa Mandarin. Hasil dapatan kajian ini menunjukkan kumpulan eksperimen yang menggunakan PBP mencapai peningkatan yang lebih signifikan berbanding dengan kumpulan kawalan yang menggunakan pendekatan GTM (*Grammar Translation Method*).

Dapatan kajian juga mendapati, skor min karangan murid kumpulan rawatan dalam pascaujian meningkat secara signifikan berbanding skor min dalam praujian bagi kumpulan yang sama. Hal ini menunjukkan bahawa aktiviti PdP dalam penulisan karangan menggunakan pendekatan PBP dapat meningkatkan skor min secara signifikan. Kajian lain seperti kajian oleh Monica dan Zambri (2020) turut mendapati bahawa PBP membantu dalam meningkatkan skor pencapaian karangan murid. Begitu juga dengan dapatan kajian daripada Yahya dan DK Suzanawaty (2014) yang turut menggunakan PBP dalam PdP karangan iaitu melalui projek penulisan risalah. Yahya dan DK Suzanawaty (2014) menyatakan bahawa pendekatan PBP dapat membantu murid sekolah rendah untuk meningkatkan keupayaan kemahiran menulis karangan.

Terdapat hubungan yang signifikan antara pendekatan pengajaran yang digunakan dengan peningkatan markah dan tahap karangan yang diperolehi oleh murid berdasarkan hasil dapatan daripada kedua-dua ujian tersebut. Setelah penggunaan pendekatan PBP semasa PdP, peningkatan pencapaian karangan murid telah berlaku secara keseluruhannya. Hal ini membuktikan pembelajaran yang aktif seperti menggunakan pendekatan PBP dapat mengembangkan lagi potensi murid dalam PdP. Dapatan ini disokong oleh Alizah dan Zamri (2019) yang menyatakan bahawa pembelajaran aktif seperti projek adalah suatu kaedah PdP yang mampu memberikan peningkatan dalam pencapaian akademik murid.

Kesimpulannya, pendekatan PBP dalam PdP karangan Bahasa Melayu jenis fakta berupaya meningkatkan tahap karangan murid berdasarkan peningkatan gred karangan secara keseluruhan. Berdasarkan perbincangan yang dijelaskan, dapat disimpulkan bahawa PdP karangan menggunakan pendekatan PBP memberikan suatu impak positif terhadap skor karangan murid. Murid dilihat lebih fokus dan bermotivasi dalam PdP sehingga dapat memberikan hasil kerja yang baik dalam projek dan penulisan karangan. Ini bertepatan dengan Mohd Razak dan Masitah (2016), Osman et al. (2019, 2016) serta Bell (2010) yang mendapati murid dapat memberikan tumpuan dalam PdP apabila PBP dilaksanakan dalam bilik darjah. Sesungguhnya, PBP berupaya dilaksanakan di sekolah menengah khususnya di zon luar bandar seperti yang dilaporkan dalam analisis kajian ini.

RUJUKAN

- Abdul Rasid Jamian. (2011). Permasalahan kemahiran membaca dan menulis Bahasa Melayu murid-murid sekolah rendah di luar bandar. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 1(1), 1-12.
- Alizah Lambri & Zamri Mahamod. (2019). *Pembelajaran berpusatkan pelajar*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Balakrishnan Muniandy, Rossafri Mohamad, Fong Soon Fook & Rozhan Mohammed Idrus. (2009). Technology Application in Project-based Learning. *Journal of Communication and Computer*, 6(12), 74-84.
- Bell, S. (2010). Project-based learning for the 21st. century for the future. *The Clearing House*, 8(2), 39-43.
- Dooley, M., & Sadler, R. (2016). Becoming little scientists: Technologically-enhanced project-based language learning. *Language Learning & Technology*, 20(1), 54-78.
- Eng Li Yin. (2021). Kesan pembelajaran berasaskan projek terhadap kemahiran bertutur Bahasa Mandarin. *Journal of Social Science*, 7(2), 34-44.
- Farah Adlina Mokter. (2019). Keberkesanan pembelajaran berasaskan masalah terhadap pencapaian dan kemahiran berfikir aras tinggi pelajar dalam penulisan karangan Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 9(1), 33-46.
- Habok A. (2015). Implementation of a project-based concept mapping developmental programme to facilitate children's experiential reasoning and comprehension of relations. *European Early Childhood Education Research Journal*, 23(1), 129-142.
- Hmelo-Silver CE. (2004). Problem-based learning: What and how do students learn?. *Educational Psychology Review*, 16(3), 235-266.
- Holm M. (2011). Project-based instruction: A review of the literature on effectiveness in Prekindergarten through 12th grade classrooms. *InSight Rivier Acad Journal*, 7(2), 1-13.
- Hovey AK & Ferguson LA. (2014). Teacher perspectives and experiences. Using project-based learning with exceptional and diverse students. *Curric Teach Dialogue*, 16(1), 77-90.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2006). *Project-Based Learning Handbook "Educating the Millennial Learner"*. Bahagian Teknologi Pendidikan.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2018). *Kurikulum Standard Sekolah Menengah Bahasa Melayu*. Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025*. Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Luh Tiwika Praba, Luh Putu Artini & Dewa Putu Ramendra. (2018). Project-based learning and writing skill in EFL: are they related? *SHS web of conference* 2(5), 1-6.
- Markham T, Larmer J & Ravitz J. (2003). *Project based learning handbook: A guide to standards-focused project based learning for middle and high school teachers*. Buck Institute for Education.
- Mohd Razak Mohd Nordin & Masitah Ahmad. (2016). Penggunaan teknik permainan bahasa dan main peranan dalam kalangan murid Orang Asli: Satu tinjauan. *Jurnal Penyelidikan Dedikasi*, 11, 161-174.
- Monica Laina Tonge & Zamri Mahamod. (2020). Kesan pembelajaran berasaskan projek terhadap kemahiran menulis karangan murid sekolah rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 45(1), 12-20.
- Nik Safiah Karim. (2004). *Bahasa Melayu sedekad yang lalu*. Dewan Bahasa dan Pustaka
- Norliza Abdullah, Zulkifli Osman, & Abdul Munir Ismail (2021). Kesan penggunaan peta pemikiran terhadap pengajaran penulisan karangan murid Tahun Lima. *Jurnal Manu*. 32(1), 1-17.
- Osman, Z., Sarudin, A., Abdul, A. H., and Ayob, R. (2019). Teachers' understanding and the level of implementation of authentic elements in the teaching of Malay language writing and their relationships with school type, teachers' experience, and specialization. *International Journal Academic Research Business and Social Sciences*, 9(1), pp. 1245-1256.
- Osman, Z., Sarudin, A., Janan, D., & Omar, A. (2016). Keberkesanan pendekatan autentik dalam meningkatkan tahap penulisan karangan pelajar. *PENDETA: Journal of Malay Language, Education and Literature*, 7, pp. 142 - 155.
- Ramli Yaakob. (2017). Kesan pengajaran terancang kohesi nahan konjungsi dalam penulisan karangan bahasa Melayu [Tesis Doktor Falsafah yang tidak diterbitkan]. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Trilling B & Fadel C. (2009). *21st Century Learning Skills*. Wiley, San Francisco.
- Yahya Othman & Dk. Suzanawaty Pg. Othman. (2014). Keupayaan menguasai kemahiran menulis melalui pembelajaran berasaskan Projek Nilam dalam penulisan berbentuk risalah di sekolah rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 4(1), 30-40.
- Zulkifli Osman. (2015). Kemampuan model pengajaran Bahasa Melayu berdasarkan kemahiran berfikir melalui teknologi maklumat dan komunikasi meningkatkan tahap motivasi dan kemahiran bahasa pelajar. *PENDETA Journal of Malay Language, Education and Literature*, 6, 181-213.